



سكوله منعه سائس كويغ فاسو

SEKOLAH MENENGAH SAINS KUBANG PASU

(SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI)

BATU 19, JALAN KODIANG,
06000 JITRA,
KEDAH DARUL AMAN.



No. Tel. : 04-925 7855
No. Faks : 04-925 7844
Emel : KEA4068@moe.edu.my
Kod Sekolah : KEA 4068

Ruj.Kami:KUPSIS.700-6/1/1

Tarikh: 21 Mei 2023

Ibu bapa / Waris
Murid SM Sains Kubang Pasu

YBhg.Dato/Datin/YBrs.Dr/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN MURID PULANG BERMALAM SEMPENA CUTI PENGGAL 1 SESI PERSEKOLAHAN 2023/2024

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa sekolah akan mula bercuti sempena Cuti Penggal 1 Sesi Persekolahan 2023/2024 pada **26 Mei 2023 hingga 03 Jun 2023**. Sehubungan dengan itu, semua murid dibenarkan pulang bermalam dan kembali semula ke asrama mengikut ketetapan berikut:

Pulang Bermalam (PB)	Ting	Masa	Etika Pakaian
25 Mei 2023 Khamis	1	1.00 ptg – 1.45 ptg	Baju Outing / Baju Batik Sekolah Seluar <i>slack</i> hitam Kasut hitam sekolah Bertudung hitam (perempuan)
	2	1.45 ptg – 2.30 ptg	
	3	2.30 ptg – 3.15 ptg	
	4	3.15 ptg – 4.00 ptg	
	5	4.00 ptg – 4.45 ptg	

Kembali ke Asrama	Ting	Masa	Etika Pakaian
03 Jun 2023 Sabtu	5	1.00 ptg – 1.45 ptg	Baju Outing / Baju Batik Sekolah Seluar <i>slack</i> hitam Kasut hitam sekolah Bertudung hitam (perempuan)
	4	1.45 ptg – 2.30 ptg	
	3	2.30 ptg – 3.15 ptg	
	2	3.15 ptg – 4.00 ptg	
	1	4.00 ptg – 4.45 ptg	

Nota Penting:

- Kenderaan ibubapa/waris dibenarkan masuk ke kawasan sekolah / asrama semasa proses mengambil dan menghantar anak/anak jagaan. Walau bagaimanapun, pihak sekolah berharap tuan/puan mengambil sikap berhati-hati dalam pemanduan memandangkan murid-murid sekolah masih lagi berada dalam kawasan sekolah dan segera meninggalkan kawasan asrama apabila selesai urusan mengambil anak/anak jagaan masing-masing.
- Murid wajib **scan smartcard** di pos pengawal di pintu masuk utama ketika hendak keluar dan ketika masuk ke sekolah.
- Ibubapa/penjaga yang mempunyai anak di dua tingkatan berbeza boleh memilih salah satu masa yang ditetapkan. Sila maklumkan warden perkara ini.
- Kegagalan murid kembali ke asrama pada tarikh dan masa yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah akan dikenakan tindakan disiplin/ponteng sekolah.

PEMAKLUMAN MURID PULANG BERMALAM SEMPENA CUTI PENGGAL 1 SESI PERSEKOLAHAN 2023/2024

- e. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa/waris memaklumkan guru kelas / warden dengan kadar segera/pada hari yang sama sekiranya anak/anak jagaan tidak dapat kembali ke asrama atau ke sekolah. Perlu sertakan dokumen/pernyataan yang mana-mana berkenaan seperti sijil kematian/surat akuan perubatan/sijil cuti sakit, surat/kad temu janji, laporan MySejahtera sekiranya positif COVID-19/surat akuan ibu bapa. Ketidakhadiran tanpa sebab dan tanpa kebenaran Pengetua adalah dikira ponteng sekolah (SSDM).
 - f. Murid-murid diingatkan supaya mematuhi etika pakaian yang ditetapkan. Tindakan disiplin akan diambil sekiranya tidak mematuhi etika pakaian yang ditetapkan.
 - g. Membawa masuk barangan / peralatan yang tidak dibenarkan termasuk telefon bimbit adalah satu kesalahan disiplin.
3. Ibumama/waris diharap dapat membuat perancangan perjalanan dengan sebaiknya bagi memastikan pergerakan murid pulang bermalam dan kembali ke asrama dapat berjalan dengan lancar dan selamat.
4. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh hubungi En. Azami bin Man (Penolong Kanan HEM) di talian 019-4173310 , En.Ahmad Pauzi bin Awang (Ketua Warden Asrama) di talian 011-35732947, Cik Faridah bt Abdul Jabbar di talian 017-4573990 atau mana-mana warden asrama SM Sains Kubang Pasu.


Kerjasama YBhg.Dato/Datin/YBrS.Dr/tuan/puan berhubung dengan perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NAZRI BIN MOHD MUHSIN)

Pengetua

Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu

s.k Yang Dipertua
Persatuan Ibumama dan Guru
SM Sains Kubang Pasu